

# KENYATAAN MEDIA

## KAJIAN FORENSIK DAN PENILAIAN KONDISI BANGUNAN 46 HOSPITAL KERAJAAN BERUSIA 50 TAHUN

Keselamatan dan kondisi bangunan Hospital Kerajaan yang melebihi 50 tahun sentiasa diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Melalui satu kunjungan pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke Cawangan Kerja Kesihatan (CKK), Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 13 Julai 2020, telah memutuskan untuk memohon khidmat kepakaran JKR dalam melaksanakan Kajian Forensik dan Penilaian Bangunan ke semua 46 buah hospital seluruh negara untuk penentuan tahap keselamatan dan kondisi bangunan hospital.

Beberapa siri mesyuarat diurusetikan pihak CKK, JKR juga telah diadakan pada 14 Julai 2020 bersama pihak Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB) JKR dan pada 16 Julai 2020 bersama pihak KKM sebagai persediaan kepada tujuan tersebut. YBhg. Dato' Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha KKM juga telah menyentuh isu ini di dalam Mesyuarat Pra-Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) KKM pada 20 Julai 2020 dan hasilnya mesyuarat mencadangkan untuk mewujudkan Pasukan Khusus bagi melaksanakan kerja-kerja ini yang terdiri daripada JKR, KKM, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan (MOF), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Skop kerja yang akan dilaksanakan terhadap 46 buah bangunan hospital ini diantaranya adalah:

- i- Penghasilan Lukisan Terukur (*Measured Drawing*) bangunan kompleks hospital sedia ada bagi tujuan mendapatkan Perakuan Bomba (*Fire Certificate*).
- ii- Penilaian Kondisi Bangunan (BAC- *Building Assesment Condition*)
- iii- Lukisan *Utility Mapping*
- iv - *Survey Drawing*
- v- Laporan dilapidasi
- vi -*Building Structural integrity*

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**22 JULAI 2020**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my